

Muhammad Azli juara Sayembara Puisi Merdeka Ke-54

Seramai sembilan pemenang Sayembara Puisi Merdeka ke-54 Peringkat Universiti Malaysia PAhang (UMP) dirai dalam program "Moh Berpuisi" anjuran Jabatan Pendaftar bertempat di Dewan Astaka pada 22 Disember 2011 yang lalu.

Mereka yang menang terdiri daripada Muhammad Azli Shukri dari Penerbit UMP dengan tajuk puisi "Kemerdekaan Yang Terhutang", Pensyarah Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan, Munira Abdul Razak dengan ciptaan puisi bertajuk "Makna Merdeka" dan "Merdekakah Kita?", daripada Pensyarah Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA), Azizan Ramli dengan tajuk "Anak-Anak Pagi" dan Julia Ibrahim dari Jabatan Pendaftar dengan tajuk "Kerajaan Perdamaian".

Bagi kategori siswa pula, pelajar FKKSA, Mohamad Syafiq Abd Wahab dengan tajuk puisi "Tirai Sejarah Semalam", pelajar Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKKP), Nur Nasiha Shadan dengan tajuk puisi "Tikar Mengkuang" dan "Rintihan Ibu Pertiwi" ciptaan Nurbaiti Ismail dari FKKSA.

Turut berjaya, Mohd Hanafi Shaari pelajar FKKSA dengan tajuk "Aku Dan Merdeka" dan Zainab A. Malik dari Fakulti Kejuruteraan Pembuatan dengan tajuk "Perjuangan Perlu Diteruskan".

Menurut Pendaftar UMP, Haji Mustafa Ibrahim, sayembara ini bertujuan memberi peluang kepada warga universiti untuk menghasilkan bait-bait puisi tentang sejarah bangsa dan semangat cintakan negara menjelang sambutan bulan kemerdekaan negara.

"Usaha ini juga diharap dapat menambah kesedaran di kalangan warga UMP tentang kemerdekaan yang bukan sekadar bebas penjajahan fizikal malah mencakupi spiritual dan mental," kata beliau semasa hadir merasmikan program "Moh Berpuisi".

Beliau turut mendeklamasikan sajak bertajuk "Kerajaan Perdamaian" hasil karya Julia Ibrahim.

Menyerikan majlis, persembahan puisi daripada para pemenang serta dua orang siswi bukan Melayu dari Fakulti Teknologi (FT), iaitu Beh Yi Wen dan Peggy Nadia Tiun sebagai deklamator jemputan dan lagu selungan bertajuk "Bahtera Merdeka" nyanyian pelajar dari Fakulti Sains & Teknologi Industri (FSTI), Shafiza Shadon menambah ceria suasana.

Puisi-puisi yang dipertandingkan dinilai oleh panel pemilih bebas yang terdiri daripada Datuk Baharuddin Zainal (Baha Zain) dan Profesor Madya Dr. Lim Swee Tin.

Hadiyah pemenang disampaikan oleh Tuan Haji Mustafa Ibrahim. Pemenang tempat pertama membawa pulang wang tunai RM 1,500, kedua RM 1,000, ketiga RM 800. Manakala hadiah tempat keempat dan kelima menerima wang tunai sebanyak RM 500 dan RM 300.

Nukilan puisi sumbangan karya warga UMP ini turut diterbitkan dalam buku Antologi Puisi Merdeka 54 yang boleh didapati dari Jabatan Penerbit UMP dan Kedai Buku Koop UMP.

"Moh Berpuisi" adalah sebahagian daripada program anjuran UMP bersempena Sambutan Bulan Kemerdekaan Ke-54.

